



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

14 Julai 2020

1. Lelaki tak siuman rupanya; Harian Metro
2. Lelaki disyaki bunuh kucing direman 4 hari; Berita Harian
3. Man allegedly drowns cats at laundrette; News Straits Times
4. Kumopul sekampung baru jual; Harian Metro
5. Hobi suka-suka bawa hasil besar; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Lokal M/SURAT: 6A		RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
14.7.2020			

Bedah siasat tiga bangkai kucing

Kuala Lumpur: Tiga bangkai kucing yang dibunuh dengan kejam di dalam mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong, di sini, sudah dihantar ke Makmal Veterinar Salak Tinggi untuk bedah siasat.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung kejadian itu.

Menurutnya, pegawai penguat kuasa JPV Selangor juga sudah menahan orang yang disyaki (OYDS) pada jam 12.15 tengah malam Ahad lalu.

“Perintah reman ke atas orang yang disyaki diperoleh dari Mahkamah Selangor selama empat hari mulai semalam (kelmarin) sehingga 16 Julai ini.

“Barang kes iaitu tiga karkas (bangkai) kucing diambil Pegawai Penyasat JPV dan dihantar ke Makmal Veterinar Salak Tinggi untuk bedah siasat,” katanya.

Lelaki tak siuman rupanya

LAPORAN **Harian Metro**, semalam.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Nasional M/SURAT: 17		RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
14.7.2020			

Lelaki disyaki bunuh 3 kucing direman 4 hari

Kuala Lumpur: Lelaki berusia 30-an yang disyaki membunuh tiga kucing secara kejam dengan melemaskan haiwan itu di dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong, di sini, kelmarin, direman empat hari.

Suspek kini ditahan dalam lokap polis selepas Mahkamah Majistret Selayang membenarkan permohonan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menahan reman suspek bagi membantu siasatan mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Dr Zainita Mohd Noor, berkata bangkai kucing itu sudah diambil untuk dibedah siasat bagi penyediaan laporan awal.

“Ia masih dalam siasatan dan proses penyediaan kertas laporan siasatan sedang dibuat,” katanya ketika dihubungi.

Kelmarin, seorang wanita mendedahkan dalam laman media sosial mengenai tindakan kejam individu yang membunuh tiga ekor kucing dengan cara dilemaskan dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input checked="" type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : News	M/SURAT: <input type="checkbox"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
14.7.2020			



A screenshot of closed-circuit television footage of the man who allegedly killed three cats at a self-service laundrette in Kepong, Kuala Lumpur, on Sunday. PIC COURTESY OF READER

Man allegedly drowns cats at laundrette

KUALA LUMPUR: Unkind and cruel are the words to describe the behaviour of a man who drowned three cats in a washing machine at a self-service laundrette in Kepong here on Sunday.

Gombak district police chief Assistant Commissioner Arifai Tarawe said a report was received on the incident from a 39-year-old woman at 9.30am.

"When she went to the laundry to wash her clothes, she found three dead cats in

three separate washing machines.

"The woman then reported the incident to the police," he said in a statement.

Arifai added that further investigation via closed-circuit television footage showed a man putting the three cats in the washing machines at 5.30am.

The case has been referred to the Shah Alam Veterinary Office for further action under the Animal Welfare Act 2015. **Berna-**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
ANGAN : Lokal M/SURAT: 17		RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
14.7.2020			

Kumpul sekampung, baru jual

Tumpat: Bawa masuk lembu seludup dari Thailand secara sedikit demi sedikit sebelum dikumpulkan di kandang kampung berhampiran Sungai Golok sebelum dibawa ke pasaran tempatan.

Modus operandi itu digunakan penyeludup lembu dipercayai untuk pasaran sempena Aidiladha namun semua 26 haiwan itu dirampas di Kampung Kajang Sebidang di sini, malam kelmarin.

Rampasan dilakukan sepasukan anggota dari Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) yang melakukan rondaan di sekitar kawasan Kuala Jambu sempena Op Benteng Covid-19, jam 10.44 malam.

Pegawai Pemerintahnya,



LEMBU seludup dari Thailand ditemui dalam lori di Kampung Kajang Sebidang, semalam.

Superintendan Azhari Nusi berkata, anggotanya tersempak sebuah lori bertutup kanvas dalam keadaan mencurigakan.

"Anggota kami mengarahkan pemandu member-

hentikan kenderaan di persimpangan jalan Kampung Kajang Sebidang selepas memperkenalkan diri.

"Selepas pemeriksaan dibuat dalam lori terbabit, kami menemui 26 lembu



dianggarkan bernilai RM156,000.

"Soal siasat mendapati lembu itu diambil dari kandang di Kampung Bendang Pak Yong, Pengkalan Kubor untuk dibawa ke pasaran

tempatan," katanya.

Azhari berkata, anggotanya meminta pemandu lori menunjukkan dokumen berkaitan, namun lelaki warga tempatan itu gagal mengemukakan sebarang

dokumen sah.

Menurutnya, pemandu serta kelindan berusia 25 dan 24 tahun itu ditahan bersama barang rampasan dan dibawa ke Balai Polis Kuala Jambu.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Lokal	M/SURAT: 17	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
14.7.2020			



Hobi suka-suka bawa hasil besar

Kuala Nerus: "Lebih 20 jenis arnab baka hiasan diternak dan sekarang dalam proses mendapatkan arnab baka *German Giant* (GG) berharga RM4,000 seekor," kata Noraisyah Mohamad Sufian, ketika ditemui di Tempat Penternakan Arnab Baka Hiasan di rumahnya di Kampung Pengkalan Maras di sini, semalam.

Noraisyah, 27, berkata, dia menternak arnab sejak 2015 dan bermula dengan arnab kampung dan kacukan berharga RM15 seekor.

"Pada mulanya kegiatan menternak arnab itu dijalankan sekadar suka-suka dan mengisi masa lapang sahaja.

"Selepas enam bulan, sa-

ya beralih kepada penternakan arnab baka hiasan selepas diyakini berpotensi berkembang.

"Saya melaburkan simpanan RM16,500 untuk membeli 10 arnab baka *Holland Lop* (HL)," katanya.

Menurutnya, dalam tempoh tiga bulan, dia mendapatkan semula modal hasil menjual anak HL itu serta mampu membuka Kedai Arnab dan Haiwan Peliharaan di Kampung Batu Rakit.

"Selepas lima tahun, kini saya ada lebih 20 baka arnab hiasan terbaik di dunia termasuk jenis *Flemish Giant* (FG) seberat lapan kilogram (kg), *American Chinchilla*, *Netherland Dwarf*, *Dwarf Hotot*, *Dutch*, *Holland Lop*, *Jersey Wool*, *English Lop* dan *Mini Rex*.

"Biarpun kos mendapatkan arnab baka hiasan dari Amerika Syarikat dan Indonesia itu sangat tinggi, ia berbaloi dengan pulangan jualannya," katanya yang pernah mendapat anugerah *Best of Breed* di Pertunjukan Arnab Kebangsaan Persekutuan Penternak Arnab Malaysia (MARBA) ke-13 pada Januari lalu.

NORAISYAH bersama arnab American Chinchilla yang diternaknya.